



**MALYSIAN SOCIETY OF  
AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS**  
Est. 1982

# SPECTRUM

MSAE



**ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN**

## SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 01/2022

### KUNJUNGAN HORMAT MSAE KEPADA TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Pada 4 Januari 2022 yang lalu, Exco MSAE telah membuat kunjungan hormat kepada Timbalan Pengarah Perkhidmatan Veterinar (DVS) Dato' Dr. Norlizan bin Mohd Noor secara atas talian. Antara perkara dibincangkan adalah memperkenalkan MSAE dan menjalinkan hubungan sesama rakan strategik dan jemputan menjadi ahli MSAE. MSAE juga turut menjemput Dato' Norlizan sebagai penceramah jemputan dalam NAFEC 2022. Turut menghadiri kunjungan hormat ini ialah Presiden MSAE, Prof. Ts. Dr. Rosnah Shamsudin, Dr. Mohammad Effendy Yaacob, Dr. Nur Azuan Hussin dan Puan Rosnani Hassan.



Gambar 1: Kunjungan hormat kepada Dato' Dr. Norlizan bin Mohd Noor.

### MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MSAE KALI KE-39

Pada 21 Mac 2022, MSAE telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) kali ke-39 secara hibrid dari Ibu Pejabat MADA di Alor Setar, Kedah. Dalam mesyuarat kali ini, laporan aktiviti dan kewangan sepanjang tahun dibentangkan oleh Naib Presiden (Pentadbiran), Dr. Mohd Nazren Radzuan dan Ir. Dr. Mohammad Effendy Ya'acob selaku mantan Bendahari Eksekutif. Untuk makluman semua ahli, Ir. Ts. Mohd. Fazly Mail telah meletak jawatan sebagai Naib Presiden (Teknikal) pada 31 Disember 2021 atas sebab melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat. Sejurus itu, ada perubahan dalam barisan exco MSAE 2021-2023. Kekosongan jawatan ini telah digantikan oleh Ir. Dr. Mohammad Effendy Ya'acob, Encik Zamzuri Zabidin menyandang jawatan Bendahari Eksekutif dan Dr. Muhammad Hazwan Hamzah dilantik sebagai Penolong Bendahari Eksekutif. Lantikan baru ini telah mendapat pengesahan dalam AGM kali ke-39.

Selain itu, perkara yang dibincangkan berkaitan NAFEC 2022, kunjungan hormat 2022, cadangan MSAE- SC baru, keahlian baru dan lain-lain.

Presiden	Prof. Ts. Dr. Rosnah Shamsudin
Timbalan Presiden (Pentadbiran)	Dr. Mohd Nazren Radzuan
Timbalan Presiden (Teknikal)	Ir. Dr. Mohammad Effendy Yaacob
Setiausaha Eksekutif	Dr. Nor Nadiah Abdul Karim Shah
Penolong Setiausaha Eksekutif	Dr. Zainun Mohd Shafie
Bendahari Eksekutif	En. Zamzuri Zabidin
Penolong Bendahari Eksekutif	Dr. Muhammad Hazwan Hamzah
EXCO MSAE	En. Aminulrashid Mohamed @ Ibrahim
EXCO MSAE	Dr. Nur Azuan Husin
EXCO MSAE	Pn. Rosnani Hassan
EXCO MSAE	En. Eddy Herman Sharu
Juruaudit 1	En. Syahril Azizi Shuib
Juruaudit 2	En. Mohammad Zamani Shafie

Jadual 1: Senarai Baharu Ahli Jawatankuasa MSAE Sesi 2021/2023.



Gambar 2: Poster Jemputan Mesyuarat Agung Tahunan ke-39.





Gambar 3 : Mesyuarat Agung Tahunan ke-39 secara hibrid di Ibu Pejabat MADA, Alor Setar, Kedah.



Gambar 4: Antara Ahli MSAE yang hadir secara atas talian.

## KONVENSYEN KEBANGSAAN KEJURUTERAAN PERTANIAN DAN MAKANAN (NAFEC) 2022

Pada 20 hingga 22 Mac 2022, MADA dengan kerjasama MSAE telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Alor Setar dan juga secara atas talian. Tema konvensyen ini adalah Teknologi Lestari Menjamin Sekuriti Agromakanan. Koferen yang diadakan dapat menggabungkan ahli akademik, pengamal undang-undang, ahli industri serta individu dalam bidang kejuruteraan pertanian dan makanan di Malaysia bagi membincangkan teknologi terkini, keperluan dan masalah industri pertanian dan makanan, berkongsi amalan baik pertanian dan makanan serta cadangan penambahbaikan undang-undang terutamanya untuk bidang kejuruteraan pertanian dan makanan. Terdapat 15 penganjur bersama yang sudi bekerjasama dalam menjayakan konvensyen ini terdiri daripada agensi kerajaan dan juga institusi pengajian. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk' Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan.



Gambar 5: Majlis Perasmian NAFEC 2022 oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri MAFI.



Gambar 6: Penyampaian plak penghargaan kepada Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah.



Gambar 7: Poster Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan (NAFEC) 2022.